JUMLAH		15,116,854	14,630,904
(KURANGAN) PENDAPATAN ATAS PERBELANJAAN		(441,325)	(1,278,714)

**PENYATA PERUBAHAN EKUTI
BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2008**

Nota	Kumpulan Wang Terkumpul	Kumpulan Wang Pinjaman Kenderaan			Kumpulan Wang Pinjaman Komputer			Kumpulan Wang Pembangunan			Kumpulan Wang Pembasmiian Kemiskinan			Jumlah Jumlah
		RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	
Baki Pada 1hb Januari 2007		7,117,547		150,000		50,000		0		0		0		7,317,547
Pelarasan Tahun Lalu		98,688		0		0		0		0		0		98,688
Kurangan Pendapatan		(1,278,714)		0		0		0		0		0		(1,278,714)
Penerimaan		0		0		0		507,000		0		0		507,000
Perbelanjaan		0		0		0		(66,812)		0		0		(66,812)
Baki pada 31hb Disember 2007		5,937,521		150,000		50,000		440,188		0		0		6,577,709
Kurangan Pendapatan		(441,325)		0		0		0		0		0		(441,325)
Penerimaan		0		0		0		2,000,000		6,978		2,006,978		
Perbelanjaan		0		0		0		(1,920,669)		(1,738)		(1,922,407)		
Baki Pada 31hb Disember 2008		5,496,196		150,000		50,000		519,519		5,240		6,220,955		

WARTA KERAJAAN NEGERI PERAK

2356

[28hb Okt. 2010]

PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2008

	2008	2007
	RM	RM
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI		
(Kurangan) Pendapatan Atas Perbelanjaan	(441,325)	(1,278,714)
Pelarasan Yang Tidak Melibatkan Pergerakan Tunai:		
Pindahan Pemberian Kerajaan Yang Dimodalkan	(891,503)	(1,043,628)
Sumbangan Daripada Projek Usahasama	(1,780,000)	0
Hasil Rizab Atas Penilaian Tanah	(4,994)	(4,994)
Susutnilai	1,194,220	1,341,285
Peruntukan Hutang Ragu dan Hapskira	18,730	36,269
Kerugian Daripada Pelupusan Aset	0	0
	<hr/>	<hr/>
	(1,904,872)	(949,782)
 (Pertambahan) Dalam Penghutang		
(Pertambahan) Dalam Pembiutang	(253,499)	(438,445)
	<hr/>	<hr/>
Aliran Tunai Bersih Daripada Aktiviti Operasi	155,587	161,591
	<hr/>	<hr/>
 ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN		
Pembelian Hartanah, Loji dan Peralatan	(10,148,448)	(589,755)
Pemberian Kerajaan Yang Dipermudahkan	10,751,411	645,456
Sumbangan Daripada Projek Usahasama	1,780,000	0
Kerja Dalam Pelaksanaan	(2,440,138)	(180,000)
	<hr/>	<hr/>
Aliran Tunai Bersih Daripada Aktiviti Pelaburan	(57,175)	(124,299)
	<hr/>	<hr/>

WARTA KERAJAAN NEGERI PERAK

[28hb Okt. 2010]

2357

PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2008—(Samb.)

	2008	2007
	RM	RM
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN		
<hr/>		
Kumpulan Wang Pembangunan	79,331	440,188
Pinjaman	2,200,000	500,000
Pajakan Sewa Beli	29,900	0
<hr/>	<hr/>	<hr/>
Aliran Tunai Bersih Daripada Aktiviti Pembiayaan	2,309,231	940,188
<hr/>	<hr/>	<hr/>
(Pengurangan) Bersih Tunai dan Kesetaraan Tunai	254,512	(410,747)
Tunai dan Kesetaraan Tunai Pada Awal Tahun	291,100	701,847
<hr/>	<hr/>	<hr/>
Tunai dan Kesetaraan Tunai Pada Akhir Tahun	545,612	291,100
<hr/>	<hr/>	<hr/>
Tunai dan Kesetaraan Tunai Diwakili Oleh:		
Simpanan Tetap	0	0
Wang di Bank dan di Tangan	545,612	291,100
<hr/>	<hr/>	<hr/>
	545,612	291,100
	<hr/>	<hr/>

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 31 DISEMBER 2008

1. MAKLUMAT ORGANISASI

1.1 VISI

Menjadikan Majlis sebagai sebuah organisasi yang berwibawa dan berdaya maju di dalam pentadbiran dan perkhidmatan perbandaran yang cekap dan berkesan kepada penduduk serta kawasan di bawah pentadbirannya.

1.2 AKTIVITI UTAMA

Aktiviti utama Majlis adalah untuk menyediakan perkhidmatan dan kemudahan perbandaran serta menggalakkan pembangunan sosial, fizikal, ekonomi dan pembangunan kegunaan tanah yang teratur, selesa dan berwawasan. Di samping itu Majlis juga bertanggungjawab untuk menyediakan kemudahan rekreasi, riadah bagi mengindahkan serta menyenggara kawasan Majlis Perbandaran Kuala Kangsar supaya dapat mewujudkan suasana alam sekitar yang harmoni.

Aktiviti utama Resort adalah menyediakan kemudahan penginapan yang terdiri daripada 4 bilik eksekutif, 24 bilik deluxe, 32 bilik superior dan 2 blok dormitori manakala di Rumah Rehat terdiri daripada ‘penthouse’, 2 bilik VVIP, 4 bilik VIP, 8 bilik deluxe dan 3 bilik superior dan mulai 1 Februari 2008, pengurusan Resort telah diswastakan kepada Awan Bayu Sdn. Bhd. dengan kadar pajakan RM15,000.00 sebulan.

Mulai November 2005 Majlis diberi tanggungjawab untuk menguruskan kolam renang.

1.3 STRUKTUR ORGANISASI

Majlis terdiri daripada 8 jabatan dan 5 bahagian iaitu:

1.3.1 Jabatan Pentadbiran

1.3.1.1 Bahagian Resort dan Rumah Rehat

1.3.1.2 Bahagian Kolam Renang

1.3.2 Jabatan Kewangan

1.3.3 Jabatan Penilaian

1.3.4 Jabatan Kesihatan

1.3.4.1 Bahagian Perkhidmatan Bandar

1.3.4.2 Bahagian Pelesenan

1.3.5 Jabatan Kejuruteraan

1.3.6 Jabatan Perancang Bandar

1.3.6.1 Bahagian Pusat Setempat

1.3.7 Jabatan Undang-Undang

1.3.8 Jabatan Teknologi Maklumat

1.4 MAKLUMAT ANGGOTA KERJA

Kedudukan anggota kerja adalah seperti berikut:

Kumpulan	Jumlah Perjawatan	Taraf	Diisi
Pengurusan & Professional	9	Tetap	5
Sokongan I	17 2	Tetap Kontrak	9 2
Sokongan II	312 55 11	Tetap Sambilan Kontrak	253 43 11
JUMLAH	338 55 13	Tetap Sambilan Kontrak	267 43 13
	406		323

1.5 PENGURUSAN MAJLIS

Majlis terdiri daripada Yang Dipertua, 24 Ahli Majlis dan Setiausaha yang bertindak di dalam ruang lingkup kuasa seperti yang diperuntukkan di bawah:

- 1.5.1 Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171)
- 1.5.2 Akta Jalan, Parit dan Bangunan (Akta 160)
- 1.5.3 Akta Kawalan Perancang (Akta 133) dan
- 1.5.4 Undang-Undang Kecil yang diluluskan.

Lembaga/Jawatankuasa-jawatankuasa yang diwujudkan terdiri daripada:

- i. Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC)
- ii. Jawatankuasa Kecil Pelesenan
- iii. Jawatankuasa Kecil Sebutharga dan Lembaga Tender
- iv. Lembaga Tatatertib dan Kenaikan Pangkat
- v. Jawatankuasa Kecil Penilaian dan Taksiran

1.6 SUMBER KEWANGAN

Majlis memperolehi pembentangan melalui hasil daripada aktiviti-aktiviti utama serta sumbangan daripada Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan.

2. POLISI PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN

Polisi pengurusan risiko kewangan Majlis bertujuan untuk memastikan sumber kewangan Majlis adalah mencukupi bagi tujuan operasi dan pembangunan yang telah dirancang. Majlis beroperasi berdasarkan garis panduan dan polisi-polisi yang dibenarkan dan tidak terlibat dalam sebarang aktiviti spekulasi.

2.1 RISIKO KECAIRAN DAN ALIRAN TUNAI

Risiko kecairan merupakan risiko bahawa entiti akan menghadapi kesukaran dalam dana bagi memenuhi obligasi semasa dan masa depan yang berkaitan dengan obligasi kewangan apabila telah sampai tempoh.

2.2 RISIKO KREDIT

Risiko kredit adalah berkemungkinan bagi kerugian yang berpunca daripada kegagalan penghutang atau pihak berhubungan untuk memenuhi obligasi kontrak mereka.

Pengurusan risiko kredit dilaksanakan melalui penilaian kredit dalaman bagi risiko kredit yang matan.

3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN

3.1 ASAS-ASAS PERAKAUNAN

3.1.1 Kos Sejarah

Penyata Kewangan ini disediakan menurut konvensyen kos sejarah selain daripada dalam nota-nota kepada penyata kewangan dan mengikut piawaian perakaunan yang diluluskan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia.

3.1.2 Pengiktirafan Pendapatan

i. Hasil Kendalian/Operasi

Hasil daripada kendalian/operasi seperti cukai taksiran am, sewaan dan faedah kecuali simpanan di sistem perbankan islam akan diiktiraf sebagai pendapatan di dalam tahun semasa dengan menggunakan asas akruan. Manakala hasil kendalian/operasi selain daripada yang tersebut di atas diiktiraf berdasarkan asas tunai yang mana perlu.

ii. Terimaan Bukan Hasil

Pendapatan-pendapatan lain seperti bantuan dan sumbangan daripada Kerajaan Negeri dan Persekutuan atau lain-lain pendapatan yang berkelaziman atau di bawah kehendak mana-mana akta dan arahan akan diiktiraf secara akruan di mana perlu.

3.1.3 Pengiktirafan Perbelanjaan

Perbelanjaan diiktiraf sebagai perbelanjaan di dalam tahun semasa dengan menggunakan asas akruan.

3.2 PENGIKTIRAFAN HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

- 3.2.1 Harta diiktiraf sebagai aset tetap pada nilai RM1,000.00 ke atas dan bagi nilai yang kurang daripada RM1,000.00 diambilkira sebagai perbelanjaan di bawah butiran harta modal yang lain.
- 3.2.2 Susutnilai adalah diperuntukkan dan dikira berdasarkan kaedah garisan lurus. Peruntukan amaan susutnilai bagi sesuatu aset adalah jumlah yang boleh disusutnilaikan daripada aset bagi tempoh hayat boleh guna yang dijangkakan.

3.2.2 Pengiktirafan Susutnilai

- i. Pengiktirafan susutnilai atas harta dilakukan hanya bagi pembelian harta sebelum/pada 30hb Jun setiap tahun dengan mengambilkira peruntukan total untuk setahun tanpa mengambilkira bulan dibeli.
- ii. Tiada peruntukan susutnilai dibuat ke atas tanah milik bebas, manakala tanah pajakan dilunaskan mengikut tempoh pajakan.

3.2.3 Kadar-kadar tahunan yang digunakan adalah seperti berikut:

Tanah Milik Pajak	Tempoh Pajakan 99 tahun
Bangunan	2%
Gerai	5%
Kenderaan	20%
Kelengkapan Pejabat	20%
Peralatan	20%

3.3 CARUM BANTU KADAR

Pemberian Caruman Bantu Kadar adalah berdasarkan kepada Caruman/ Pemberian yang diluluskan sama ada oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri dan lain-lain pihak yang terlibat dan direalisasikan sebagai pendapatan mengikut tahun tuntutan.

3.4 PENDAPATAN GERAN

- 3.4.1 Geran Kerajaan yang berkaitan dengan harta tetap adalah diiktiraf sebagai pendapatan dalam penyata pendapatan mengikut anggaran jangkahayat harta tersebut (pendapatan ditundukan mengikut amaan susutnilai tahunan) dan dipersembahkan dalam Kunci Kira-Kira sebagai Pemberian Kerajaan di dalam Penyata Kewangan Semasa.

3.4.2 Geran Kerajaan yang diterima selain daripada Geran yang berkaitan dengan harta tetap diiktiraf sebagai pendapatan dalam tahun diterima tanpa wujudnya tunggakan penerimaan Geran Kerajaan di dalam Penyata Kewangan Semasa.

3.5 KERJA DALAM PERLAKSANAAN

Kerja dalam perlaksanaan adalah kerja-kerja yang masih belum disempurnakan pada akhir tahun kewangan dan dinyatakan pada nilai kos mengikut kaedah siap dilaksanakan.

3.6 PINJAMAN

Pinjaman yang diperolehi daripada mana-mana Kerajaan, Agensi dan lain-lain pihak diperakaunkan berdasarkan syarat-syarat yang dipersetujui bersama dan dinyatakan di Kunci Kira-Kira sebagai Pinjaman Jangka Panjang. Jumlah bayaran balik pula dinyatakan sebagai Pinjaman Jangka Pendek yang mengurangkan jumlah Pinjaman Jangka Panjang mengikut jumlah yang sama.

3.7 KEMUDAHAN AWAM

Kemudahan yang berkaitan dengan kepentingan awam tidak diiktiraf sebagai harta dan tidak dipermodalkan.

3.8 PENGHUTANG

Penghutang dinyatakan setelah ditolak elaun peruntukan hutang ragu.

Hutang-hutang lapuk yang dikenalpasti akan dihapuskira maka elaun khas diwujudkan bagi hutang-hutang yang dianggap ragu untuk dikutip.

4. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

Tahun 2008	Pen.			Bangunan			Kenderaan			Peralatan			Peralatan			K. Pejabat	K. Pejabat	K. Pejabat	Jumlah
	Tanah	RM	RM	Tanah	RM	RM	Kenderaan	RM	RM	Resort	RM	RM	Resort	RM	RM	Resort	RM	RM	
Kos pada 1hb Januari	706,000	211,069	40,000,884	1,314,523	3,726,689	916,335	3,440	1,932,315	236,916	236,916	49,048,171								
Tambahan dalam tahun	0	0	9,997,623	198,743	0	12,000	0	314,582	8,940	8,940	10,531,888								
Kos pada 31 Disember	706,000	211,069	49,998,507	1,513,266	3,726,689	928,335	3,440	2,246,897	245,856	245,856	59,580,059								
Susunlai Terkumpul 1/1	135,494	24,889	6,688,808	469,055	3,444,672	793,489	1,439	1,613,887	200,354	200,354	13,372,087								
Susunlai Semasa	7,131	2,132	798,819	74,985	101,100	64,439	500	126,155	18,959	18,959	1,194,220								
Susunlai Terkumpul 31/12	142,625	27,021	7,487,627	544,040	3,545,772	857,928	1,939	1,740,042	219,313	219,313	14,566,307								
Nilai Buku Bersih	563,375	184,048	42,510,880	969,226	180,917	70,407	1,501	506,855	26,543	26,543	45,013,752								

Tanah P.T. 921 HSDKK 167 telah dinilai semula 31hb Oktober 1995 berasaskan penilaian profesional bebas berdasarkan kaedah penggunaan yang sedia ada.
Rizab atas penilaian tanah ini sejumlah RM494,387.50 disusutnilakan mengikut jumlah tahun pajakan taitu 99 tahun.

WARTA KERAJAAN NEGERI PERAK

2364

[28hb Okt. 2010]

Tahun 2007	Pen.			Kenderaan	Peralatan	Resort	K. Pejabat	K. Pejabat	Resort	K. Pejabat	Jumlah
	Tanah	RM	Bangunan								
Kos pada 1hb Januari	706,000	211,069	39,537,128	1,314,523	3,726,689	895,555	3,440	1,827,878	227,264	48,449,546	
Tambahan dalam tahun	0	0	463,756	0	0	20,780	0	104,437	9,652	598,625	
Kos pada 31 Disember	706,000	211,069	40,000,884	1,314,523	3,726,689	916,335	3,440	1,932,315	236,916	49,048,171	
Susunilai Terkumpul 1/1	128,363	22,757	5,900,090	404,007	3,224,811	687,924	939	1,478,765	183,146	12,030,802	
Susunilai Semasa	7,131	2,132	788,718	65,048	219,861	105,565	500	135,122	17,208	1,341,285	
Susunilai Terkumpul 31/12	135,494	24,889	6,688,808	469,055	3,444,672	793,489	1,439	1,613,887	200,354	13,372,087	
Nilai Buku Bersih	570,506	186,180	33,312,076	845,468	282,017	122,846	2,001	318,428	36,562	35,676,084	

Tanah P.T. 921 HSDKK 167 telah dinilai semula 31hb Oktober 1995 berdasarkan penilaian profesional bebas berdasarkan kaedah penggunaan yang sedia ada.
Rizab atas penilaian tanah ini sejumla RM494,387.50 disusutnilaikan mengikut jumlah tahun pajakan iaitu 99 tahun.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 31 DISEMBER 2008

5. STATUS MILIKAN TANAH

- 5.1 Majlis memiliki 3 bidang tanah iaitu P.T. 921 HS(D) KK 167 Mukim Saiong, P.T. 2039 Jalan Daeng Selili dan P.T. 1912 Jalan Kangsar di mana P.T. 921 HS(D) KK 167 telah dibangunkan dengan projek landskap yang dinamakan ‘Pocket Park’ manakala P.T. 2039 dan P.T. 1912 telah didirikan bangunan.
- 5.2 Lain-lain bangunan adalah didirikan atas tanah milik Kerajaan Negeri dan dipohon untuk dirizabkan kepada Majlis di bawah kawalan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri.
- 5.3 Tapak Resort Sungai Perak adalah dalam proses permohonan pemilikan.
- 5.4 Tapak kedai di atas P.T. 3036, 3037 dan 3038 Jalan Dato’ Maharajalela adalah dimiliki hasil daripada balasan bagi projek usahasama dengan Friendly Park Sdn. Bhd. Pada 28 Oktober 2008, bangunan tersebut telah siap dan telah dinilai sementara oleh Jabatan Penilaian Dan Harta MPKK dengan kos sebanyak RM1,780,000 di mana 1 unit bernilai RM620,000 dan 2 unit lagi bernilai RM580,000 setiap satu.

2008 2007

RM RM

6. KERJA DALAM PELAKSANAAN

(i) Dewan Serbaguna Atas Tapak Dewan Merdeka	4,424,097	0
(ii) Naiktaraf Rumah Rehat	699,100	10,000
(iii) Gerai Makan Di Jalan Idris	0	120,000
(iv) Wisma MPKK Di Jalan Taiping	0	2,553,059
	5,123,197	2,683,059

7. PENGHUTANG

Cukai Taksiran Am	2,080,602	1,951,517
Carum Bantu Kadar - Badan Berkanun	13,418	16,232
Sewaan	1,499,688	1,268,742
Sewa Bilik dan Dewan Resort	166,140	190,923
Jualan Bangunan	39,017	39,017
Majlis Agama Islam	515,568	537,168
Pelbagai Penghutang	25,774	24,535
	4,340,207	4,028,134

WARTA KERAJAAN NEGERI PERAK

2366

[28hb Okt. 2010]

	2008	2007
	RM	RM
Tolak - Peruntukan Hutang Ragu:		
Sewa Dewan	13,764	13,764
Sewa Peralatan	25,174	22,794
Sewa Padang	165	165
Sewa Bilik Dan Dewan Resort	29,897	19,217
Bil Air Resort	1,084	1,084
	<hr/>	<hr/>
	70,084	57,024
	<hr/>	<hr/>
	4,270,123	3,971,110

7.1 PENGHUTANG - MAJLIS AGAMA ISLAM

7 unit kedai 2 tingkat di atas Lot 171, 173 - 178, Jalan Dato' Maharajalela telah dibina oleh MPKK pada tahun 1997 setelah tanah tersebut dirampas oleh Pejabat Tanah. Walaubagaimanapun disebabkan tanah tersebut berstatus tanah wakaf khas maka ianya kekal menjadi milik Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Negeri Perak (MAIAMP). MPKK telah menuntut balik kos binaan bangunan tersebut daripada pihak MAIAMP, namun tidak berhasil dan mulai tahun 2005, persetujuan telah dicapai bahawa MPKK memajak bangunan tersebut dengan kos RM36,000 setahun selama lebih kurang 23 tahun iaitu berakhir pada tahun 2027 dan sumbangan kepada Pihak Masjid Ridzwaniah sebanyak RM14,400 setahun diteruskan sehingga tahun 2026 atau tempoh yang lebih awal sekiranya pihak MAIAMP menjelaskan keseluruhan baki kos bangunan.

	2008	2007
	RM	RM
Jangka Pendek		
Jangka Pendek	21,600	21,600
Jangka Panjang	<hr/>	<hr/>
Jumlah Penghutang	493,968	515,568
	<hr/>	<hr/>
	515,568	537,168

8. PENDAHULUAN PINJAMAN:

8.1 KENDERAAN

Baki Pada 1hb Januari	45,191	33,414
Campur: Pinjaman Diberi Dalam Tahun	0	32,000
Tolak: Bayaran Balik Dalam Tahun	24,613	20,223
	<hr/>	<hr/>
Baki pada 31hb Disember	20,578	45,191

WARTA KERAJAAN NEGERI PERAK

[28hb Okt. 2010]

2367

	2008 RM	2007 RM
8.2 KOMPUTER		
Baki Pada 1hb Januari	29,447	20,500
Campur: Pinjaman Diberi Dalam Tahun	0	24,000
Tolak: Bayaran Balik Dalam Tahun	12,021	15,053
Baki pada 31hb Disember	<u>17,426</u>	<u>29,447</u>
	<u>38,004</u>	<u>74,638</u>
9. BAYARAN TERDAHULU		
Insuran	12,733	39,343
	<u> </u>	<u> </u>
10. CAGARAN DIBAYAR		
Telefon	798	798
Air	18,040	19,040
	<u>18,838</u>	<u>19,838</u>
11. SIMPANAN TETAP		
Baki Pada 1hb Januari	0	450,000
Campur: Tambahan Dalam Tahun	1,000,000	0
Tolak: Keluaran Dalam Tahun	1,000,000	450,000
Baki pada 31 Disember	<u>0</u>	<u>0</u>
	<u> </u>	<u> </u>
12. WANG DI BANK DAN DI TANGAN		
Wang Di Bank: MPKK	515,154	210,404
Resort	28,258	78,496
Wang di Tangan: MPKK	1,000	1,000
Resort	1,000	1,000
Wang Pusingan Kaunter	200	200
	<u>545,612</u>	<u>291,100</u>
	<u> </u>	<u> </u>

WARTA KERAJAAN NEGERI PERAK

2368

[28hb Okt. 2010]

	2008	2007
	RM	RM
13. PEMIUTANG		
Peruntukan Bayaran Audit	17,405	15,823
Kutipan Bekalan Air	600,000	600,000
Pelbagai Pembiayaan	1,627,192	1,319,749
	<hr/>	<hr/>
	2,244,597	1,935,572
14. TERIMAAN TERDAHULU		
Cukai Taksiran Am	56,895	54,954
Sewaan	7,066	4,784
	<hr/>	<hr/>
	63,961	59,738
15. CAGARAN DITERIMA		
Pelbagai Cagaran	737,196	539,017
	<hr/>	<hr/>
16. PAJAKAN SEWA BELI		
Baki Pada 1hb Januari	0	0
Tambahan Dalam Tahun	82,800	0
Pembayaran Dalam Tahun	(25,300)	0
Baki Pada 31hb Disember	<hr/>	<hr/>
	57,500	0

Diwakili Oleh:

Amaun Belum Bayar Untuk Tempoh 12 Bulan Berikutnya	27,600
Amaun Belum Bayar Selepas Tempoh 12 Bulan Berikutnya	29,900
	<hr/>
	57,500

Pihak Majlis telah menandatangani perjanjian pembekalan peralatan dan perisian Sistem Kompaun Multimedia secara sewa beli dengan Prominent Multimedia Sdn. Bhd. pada 11 April 2008.

Tarikh Mula : 7 Mei 2008

Tempoh: 3 Tahun (Berakhir 6 Mei 2011)

Kos Sebulan: RM2,300

Kos Keseluruhan: RM82,800

WARTA KERAJAAN NEGERI PERAK

[28hb Okt. 2010]

2369

	2008	2007
	RM	RM

17. PINJAMAN

Jangka Panjang	2,700,000	500,000
----------------	-----------	---------

Pinjaman daripada Kerajaan Negeri untuk tujuan menampung aliran wang Majlis yang diterima adalah dianggap sebagai pendahuluan pinjaman dan masih belum ditetapkan jadual bayaran.

	2008	2007
	RM	RM

18. KUMPULAN WANG

18.1 KUMPULAN WANG TERKUMPUL

Kurangan pendapatan atas perbelanjaan bagi tahun	(441,325)	(1,278,714)
--	-----------	-------------

Baki pada 1hb Januari Seperti yang dilaporkan dahulu	5,937,521	7,117,547
--	-----------	-----------

Pelarasan tahun-tahun lepas	98,688	
-----------------------------	--------	--

Dinyatakan semula	5,937,521	7,216,235
-------------------	-----------	-----------

Baki pada 31hb Disember	5,496,196	5,937,521
-------------------------	-----------	-----------

Pelarasan tahun-tahun lepas:

(i) Penghutang Resort yang terlebih diambilkira	0	(10,490)
(ii) Pemutang Resort yang terlebih diambilkira	0	19,289
(iii) Susutnilai ke atas kos rizab penilaian tanah yang baru diambilkira pada tahun ini	0	89,889
	0	98,688

18.2 KUMPULAN WANG KENDERAAN	150,000	150,000
------------------------------	---------	---------

18.3 KUMPULAN WANG KOMPUTER	50,000	50,000
-----------------------------	--------	--------

WARTA KERAJAAN NEGERI PERAK

2370

[28hb Okt. 2010]

	2008	2007
	RM	RM
18.4 KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN		
Baki pada 1hb Januari	440,188	0
Tambah: Penerimaan Dalam Tahun	2,000,000	507,000
Tolak: Pembayaran Dalam Tahun	<u>1,920,669</u>	<u>66,812</u>
Baki pada 31hb Disember	<u>519,519</u>	<u>440,188</u>

Majlis menerima peruntukan daripada kerajaan bagi projek seperti berikut:

(i) Dewan Serbaguna	2,000,000.00
Jumlah	<u>2,000,000.00</u>

18.5 KUMPULAN WANG PEMBASMIAN KEMISKINAN

Baki pada 1hb Januari	0	0
Tambah: Penerimaam Dalam Tahun	6,978	14,952
Tolak: Pembayaran Dalam Tahun	1,738	14,952
Baki pada 31hb Disember	5,240	0
JUMLAH KUMPULAN WANG	<u>6,220,955</u>	<u>6,577,709</u>

19. RIZAB ATAS PENILAIAN TANAH

Baki pada 1hb Januari	399,505	404,499
Tolak: Pelunasan Tanah	4,994	4,994
Baki pada 31hb Disember	<u>394,511</u>	<u>399,505</u>

WARTA KERAJAAN NEGERI PERAK

[28hb Okt. 2010]

2371

20. PEMBERIAN KERAJAAN YANG DIMODALKAN

TAHUN 2008	Baki pada 1.1.2008	Tambahan/ (Pelupusan)	Jumlah yang Diperuntukkan Kpd. Pendapatan Semasa	Baki pada 31.12.2008
	RM	RM	RM	RM
Bangunan	28,970,952	8,096,685	688,544	36,379,093
Gerai	770,120	198,743	67,923	900,940
Kenderaan	234,844	12,000	79,917	166,927
Peralatan	97,084	0	54,720	42,364
Kelengkapan Pejabat	197	1,400	399	1,198
Kerja Dalam Perlaksanaan	2,670,434	10,666,688	0	5,113,017
		(8,224,105)		
JUMLAH	32,743,631	10,751,411	891,503	42,603,539

TAHUN 2007	Baki pada 1.1.2007	Tambahan/ (Pelupusan)	Jumlah yang Diperuntukkan Kpd. Pendapatan Semasa	Baki pada 31.12.2007
	RM	RM	RM	RM
Bangunan	29,192,506	463,756	685,310	28,970,952
Gerai	828,106	0	57,986	770,120
Kenderaan	430,475	0	195,631	234,844
Peralatan	185,683	11,700	100,299	97,084
Kelengkapan Pejabat	4,599	0	4,402	197
Kerja Dalam Perlaksanaan	2,500,434	170,000	0	2,670,434
JUMLAH	33,141,803	645,456	1,043,628	32,743,631

	2008	2007
	RM	RM
21. HASIL CUKAI		
Cukai Taksiran Am	4,974,805	4,784,409
Carum Bantu Kadar	195,239	199,780
	<hr/> <hr/>	<hr/> <hr/>
	5,170,044	4,984,189

WARTA KERAJAAN NEGERI PERAK

2372

[28hb Okt. 2010]

	2008	2007
	RM	RM
22. HASIL BUKAN CUKAI		
Lesen dan Bayaran Pendaftaran	1,360,017	1,266,432
Sewaan	2,255,715	2,685,692
Perkhidmatan dan Bayaran Perkhidmatan	875,035	765,907
Faedah dan Perolehan dari Pelaburan	27,233	21,078
Denda dan Hukuman	504,721	555,268
Perolehan dari Jualan Barang-barang	41,077	91,104
Sumbangan Tempatan	56,800	42,350
Sumbangan daripada Projek Usahasama	1,780,000	0
	6,900,598	5,427,831

23. TERIMAAN BUKAN HASIL

Sumbangan Kerajaan Negeri	0	197,800
Sumbangan Kerajaan Persekutuan	1,280,170	1,545,192
Terimaan-terimaan Yang Lain	433,214	153,550
Pindahan dari Pemberian Kerajaan Dimodalkan	891,503	1,043,628
	2,604,887	2,940,170

24. EMOLUMEN

Gaji dan Upahan	4,432,216	4,031,076
Elaun Tetap	1,803,224	1,737,995
Sumbangan Berkanun Untuk Kakitangan	782,094	706,414
Elaun Lebih Masa	847,831	981,714
Faedah Kewangan Kakitangan Awam	403,454	9,024
	8,268,819	7,466,223

WARTA KERAJAAN NEGERI PERAK

[28hb Okt. 2010]

2373

	2008	2007
	RM	RM
25. PERKHIDMATAN DAN BEKALAN		
Perjalanan dan Sara Hidup	128,086	146,134
Pengangkutan Barang-barang	9,791	4,515
Perhubungan dan Utiliti	449,079	641,203
Sewaan	196,621	32,180
Bahan Mentah dan Bahan Untuk Penyelenggaraan	925,312	849,411
Bekalan dan Bahan-Bahan	339,876	478,119
Penyelenggaraan dan pembaikan Kecil Yang Dibeli	475,732	941,355
Perk. Ikhtisas, Perkh. Lain Yang Dibeli dan Hospitaliti	1,298,641	1,866,049
	<hr/>	<hr/>
	3,823,138	4,958,966
26. HARTA MODAL		
Penambahbaikan Kenderaan dan Jentera	0	1,800
Harta Modal Yang Lain	30,596	74,329
	<hr/>	<hr/>
	30,596	76,129
27. PEMBERIAN DAN KENAAN BAYARAN TETAP		
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	10,000	7,000
Gantian Cuti	17,450	22,465
	<hr/>	<hr/>
	27,450	29,465
28. PERBELANJAAN LAIN		
Pulangbalik, Elaun Kekosongan, Hutang Ragu dan Hapsukira	1,521,263	251,749
Insuran	71,285	71,843
Bayaran-Bayaran Lain	93,589	105,701
	<hr/>	<hr/>
	1,686,137	429,293

	2008	2007
	RM	RM
29. PEMBANGUNAN		
Pelbagai Binaan dan Alat Kebersihan	67,894	179,532
Pengindahan, Pelancongan dan Taman Bunga	18,600	150,011
	86,494	329,543

30. LIABILITI LUAR JANGKA

Ho Yut Tong, Ho Chn Huah dan Ho Jin Keong (Plaintif) Lawan Majlis Perbandaran Kuala Kangsar dan Kelisa Murni Enterprise (Defendant)

Plaintif telah memfailkan kes ini ke Mahkamah Sesyen Kuala Kangsar dan menuntut ganti rugi ke atas kecuaian defendant menyebabkan retakan pada struktur bangunan premis perniagaan milik plaintiff semasa kerja-kerja menaiktaraf longkang di Jalan Temenggong, Kuala Kangsar dijalankan.

Tuntutan-tuntutan plantif adalah seperti berikut:-

- a. Kehilangan sewa sebanyak RM8,000 sebagai gantirugi khas.
- b. Kehilangan dan kerugian dalam menyediakan laporan teknikal dan laporan penilaian harta tanah tersebut.
- c. Kerugian akibat penyusutan nilai pasaran harta tanah tersebut.
- d. Gantirugi am.
- e. Kos
- f. Faedah dan
- g. Lain-lain relif/gantian yang difikirkan patut dan sesuai oleh mahkamah.

WARTA KERAJAAN NEGERI PERAK

[28hb Okt. 2010]

2375

2008

RM

2007

RM

31. PENGLIBATAN MODAL

a.	Pembinaan Dewan Serbaguna di Atas Tapak Dewan Merdeka	3,575,904	0
b.	Pembangunan Pelancongan di Saiong River Front	2,859,242	0
c.	Naiktaraf Rumah Rehat Kuala Kangsar	2,779,527	3,245,000
d.	Membina Kompleks Perniagaan di Jalan Taiping, Kuala Kangsar	0	5,721,723
e.	Membina Ruangniaga/Gerai Makan di Jalan Idris, Kuala Kangsar	0	78,743
JUMLAH DILULUSKAN DAN DIKONTRAKKAN		9,214,673	5,800,466

i. Pembinaan Dewan Serbaguna Di Atas Tapak Dewan Merdeka

Kos Asal Kontrak	6,696,662
Kos Tambahan	1,303,338
Bayaran Sehingga 31.12.2008	4,424,097
Baki	3,575,904

Projek ini bermula pada 13 Mac 2008 dan dijangka siap pada 10 Jun 2009. Prestasi fizikal projek ini adalah sebanyak 56% setakat 31 Disember 2008.

ii. Pembangunan Pelancongan di Saiong River Front

Kos Asal Kontrak	2,859,242
Bayaran Sehingga 31.12.2008	0
Baki	2,859,242

Projek ini bermula pada 30 Julai 2008 dan dijangka siap pada 11 Mac 2009. Prestasi fizikal projek ini adalah sebanyak 8% setakat 31 Disember 2008

	2008	2007
	RM	RM
iii. Naiktaraf Rumah Rehat Kuala Kangsar		
Kos Asal Kontrak	3,191,402	
Bayaran Sehingga 31.12.2008	689,100	
	<hr/>	
	2,502,301	
Kos Perunding	287,226	
Bayaran Sehingga 31.12.2008	10,000	
	<hr/>	
	277,226	
Baki	<hr/>	
	2,779,527	

Projek ini bermula pada 30 Julai 2008 dan dijangka siap pada 29 Julai 2009. Prestasi fizikal projek ini adalah sebanyak 10% setakat 31 Disember 2008.

32. ANGKA-ANGKA BANDINGAN

Angka-angka perbandingan yang ditunjukkan adalah untuk tahun berakhir 31 Disember 2007.

No. 1871.

**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI
PENYATA KEWANGAN MAJLIS DAERAH KERIAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2008**

Penyata Kewangan Majlis Daerah Kerian bagi tahun berakhir 31 Disember 2008 telah diaudit oleh wakil saya. Pihak pengurusan bertanggungjawab terhadap Penyata Kewangan ini. Tanggungjawab saya adalah mengaudit dan memberi pendapat terhadap Penyata Kewangan tersebut.

Pengauditan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan berpandukan piawaian pengauditan yang diluluskan. Piawaian tersebut menghendaki pengauditan dirancang dan dilaksanakan untuk mendapat kepastian yang munasabah sama ada Penyata Kewangan adalah bebas daripada kesilapan atau ketinggalan yang ketara. Pengauditan itu termasuk memeriksa rekod dan dokumen secara semak uji dan bagi memastikan ketepatan angka dan pendedahan yang mencukupi dalam Penyata Kewangan. Penilaian juga dibuat terhadap prinsip perakaunan yang digunakan, unjuran signifikan oleh pengurusan dan persembahan Penyata Kewangan secara keseluruhan. Saya percaya pengauditan yang dilaksanakan memberi asas yang munasabah terhadap pendapat saya.

Pada pendapat saya, Penyata Kewangan ini memberi gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan Majlis Daerah Kerian pada 31 Disember 2008 serta hasil operasi dan aliran tunainya untuk tahun tersebut adalah selaras dengan piawaian perakaunan yang diluluskan.

IPOH

Bertarikh 9 Oktober 2009

t.t.

(DATIN SERI SHAMSIAH BT. HJ. DAUD)
b.p. Ketua Audit Negara
Malaysia

**PENYATA OLEH AHLI-AHLI MAJLIS
MAJLIS DAERAH KERIAN
PERAK DARUL RIDZUAN**

Kami, Mohamed Yusoff bin Yahya dan Haji Abu Bakar bin Md Taib yang merupakan Ahli Majlis, Majlis Daerah Kerian dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat kami Lembaran, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini beserta dengan Nota-nota di dalamnya adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan Majlis Daerah Kerian pada 31 Disember 2008 dan hasil kendaliannya dan perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi Pihak Lembaga Ahli Majlis,

Bagi Pihak Lembaga Ahli Majlis,

t.t.

TN. HAJI MOHAMED YUSOFF
BIN YAHYA
Ahli Majlis
Majlis Daerah Kerian

t.t.

HJ. ABU BAKAR BIN MD TAIB
Ahli Majlis
Majlis Daerah Kerian

Tarikh: 10 Jun 2009

Tarikh: 10 Jun 2009

WARTA KERAJAAN NEGERI PERAK

2378

[28hb Okt. 2010]

PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN MAJLIS DAERAH KERIAN, PERAK DARUL RIDZUAN

Saya, Ismail bin Hassan, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan Majlis Daerah Kerian, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini beserta dengan Nota-nota di dalamnya, mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah benar dan saya membuat pengakuan ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa iaitu adalah benar dan menurut kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun 1960.

Ditandatangani dan diakui oleh) t.t.
Ismail Bin Hassan) ISMAIL BIN HASSAN
penama yang tersebut di atas) Yang Dipertua
di Parit Buntar, Perak) Majlis Daerah Kerian
pada 11 Jun 2009)

Di hadapan saya,

t.t.

SITI SALMAH BT. ZAINAL ABIDIN
Pesuruhjaya Sumpah

LEMBARAN IMBANGAN PADA 31 DISEMBER 2008

	Nota	2008 RM	2007 RM
ASET BUKAN SEMASA			
Hartanah, Loji dan Peralatan	4	22,772,958	23,257,652
ASET SEMASA			
Penghutang	5	2,721,846	2,381,111
Pendahuluan Pinjaman	6	36,084	55,294
Bayaran Terdahulu	7	24,620	22,499
Simpanan Tetap	8	2,100,000	1,850,000
Wang Di Bank dan Di Tangan	9	4,499,756	3,726,110
		9,382,306	8,035,014

WARTA KERAJAAN NEGERI PERAK

[28hb Okt. 2010]

2379

LEMBARAN IMBANGAN PADA 31 DISEMBER 2008—(Samb.)

	Nota	Tahun 2008	Tahun 2007
		RM	RM
LIABILITI SEMASA			
Pembiayaan	10	356,652	348,338
Terimaan Terdahulu	11	19,021	22,976
Cagaran Diterima	12	916,046	858,738
		<hr/>	<hr/>
		1,291,719	1,230,052
ASET SEMASA BERSIH			
		<hr/>	<hr/>
		8,090,587	6,804,962
		<hr/>	<hr/>
		30,863,545	30,062,614
		<hr/>	<hr/>
Dibiayai Oleh:			
Kumpulan Wang	13	13,806,588	12,678,693
Pemberian Kerajaan Yang Dimodalkan	14	17,056,956	17,473,921
		<hr/>	<hr/>
		30,863,545	30,152,614
		<hr/>	<hr/>

PENYATA PENDAPATAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2008

	Nota	2008	2007
		RM	RM
PENDAPATAN			
Hasil Cukai	15	5,127,572	4,993,852
Hasil Bukan Cukai	16	3,624,425	3,531,312
Terimaan Bukan Hasil	17	3,369,167	3,001,065
		<hr/>	<hr/>
JUMLAH		12,121,164	11,526,229
		<hr/>	<hr/>

WARTA KERAJAAN NEGERI PERAK

2380

[28hb Okt. 2010]

PENYATA PENDAPATAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2008—(Samb.)

	Nota	2008	2007
		RM	RM
PERBELANJAAN			
Emolumen	18	5,915,110	5,089,050
Perkhidmatan dan Bayaran	19	3,671,026	3,730,441
Perkhidmatan			
Harta Modal	20	113,930	112,808
Pemberian dan Kenaan Bayaran	21	94,808	25,554
Tetap			
Perbelanjaan-Perbelanjaan Lain	22	105,345	82,257
Susutnilai	4	745,429	784,487
Pembangunan	23	364,423	421,553
Kerugian atas pelupusan harta tetap		8,495	-
 JUMLAH		 <hr/> 11,018,566	 <hr/> 10,246,150
 LEBIHAN/(KURANGAN)		 <hr/> 1,102,598	 <hr/> 1,280,079
 PENDAPATAN ATAS			
 PERBELANJAAN			

WARTA KERAJAAN NEGERI PERAK

[28hb Okt. 2010]

2381

PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2008

	2008	2007
	RM	RM
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI		
Penerimaan Tunai Daripada Operasi	11,514,032	12,419,438
Pembayaran Tunai Daripada Operasi	<u>(10,468,627)</u>	<u>(9,466,831)</u>
Tunai Bersih Daripada Kendalian	1,045,405	2,952,607
Faedah Diterima	<u>14,462</u>	<u>9,102</u>
Aliran Tunai Bersih Daripada Aktiviti Operasi	<u>1,059,867</u>	<u>2,961,709</u>
 ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN		
Pembelian Hartanah, Loji dan Peralatan	(57,405)	(208,075)
Penerimaan Tunai Dari Pinjaman	27,085	28,276
Pemberian Pinjaman Kenderaan dan Komputer	<u>(5,900)</u>	<u>(39,500)</u>
Aliran Tunai Bersih Daripada Aktiviti Pelaburan	<u>(36,220)</u>	<u>(219,299)</u>
 ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN		
Pertambahan/(Pengurangan) Bersih Tunai dan Kesetaraan Tunai	1,023,647	2,742,410
Tunai dan Kesetaraan Tunai Pada 1hb Januari	<u>5,576,109</u>	<u>2,833,699</u>
Tunai dan Kesetaraan Tunai Pada 31hb Disember	<u>6,599,756</u>	<u>5,576,109</u>
Tunai dan Kesetaraan Tunai Diwakili Oleh:		
Wang di Bank dan di Tangan	4,499,756	3,726,109
Simpanan Tetap	<u>2,100,000</u>	<u>1,850,000</u>
	<u>6,599,756</u>	<u>5,576,109</u>

**PENYATA PERUBAHAN EKUTI
BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2008**

Nota	Kumpulan Wang Terkumpul	Kumpulan Wang Pinjaman Kenderaan	Kumpulan Wang Pinjaman Komputer	Kumpulan Wang Pembangunan	Kumpulan Wang Lain-lain	Jumlah
		RM	RM	RM	RM	RM
Baki Pada 1hb Januari 2007	12,565,416	86,000	25,000	237	2,040	12,678,693
Kurangan Pendapatan bagi tahun Tambahan	0	0	0	0	0	-
Baki Pada 31hb Disember 2007	12,565,416	86,000	25,000	237	2,040	12,678,693
Pelarasam Tahun Semasa	16	18,000	0	0	0	18,000
Baki Pada 31hb Disember 2007	12,583,416	86,000	25,000	237	2,040	12,696,693
Dinyatakan Semula	1,102,598	0	0	0	0	1,102,598
Lebihan Pendapatan bagi tahun Tambahan Sumbangan Semasa	0	0	0	0	33,428	33,428
Perbelanjaan	0	0	0	0	(26,130)	(26,130)
Baki Pada 31hb Disember 2008	13,686,014	86,000	25,000	237	9,338	13,806,589

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
31 DISEMBER 2008**

1. MAKLUMAT ORGANISASI

1.1 VISI

Kerian ke arah perbandaran yang lebih dinamik dan mampan menjelang 2015.

1.2 AKTIVITI UTAMA

Memberi perkhidmatan dan kemudahan-kemudahan perbandaran yang berkualiti kepada semua penduduk, masyarakat, peniaga dan industri dalam kawasan Majlis Daerah Kerian.

1.3 STRUKTUR ORGANISASI

Majlis terdiri daripada 8 jabatan dan 5 unit iaitu:

- 1.3.1 Bahagian Pentadbiran dan Undang-undang
- 1.3.2 Bahagian Akaun dan Kewangan
- 1.3.3 Bahagian Pelesenan dan Tempat Letak Kereta
- 1.3.4 Bahagian Perkhidmatan Bandar
- 1.3.5 Bahagian Perancang Bandar dan Landskap
- 1.3.6 Bahagian Bangunan
- 1.3.7 Bahagian Penilaian
- 1.3.8 Bahagian Pembangunan
- 1.3.9 Unit Teknologi Maklumat
- 1.3.10 Unit Penguatkuasaan
- 1.3.11 Unit Sewaan
- 1.3.12 Unit Pusat Setempat
- 1.3.13 Unit Taman dan Rekreasi

1.4 PERJAWATAN

Kumpulan Perjawatan	Perjawatan	Taraf Jawatan	Diisi
Pengurusan & Professional	2	Tetap	1
Sokongan I	64	Tetap Kontrak Sambilan	31 18 3
Sokongan II	162	Tetap Kontrak	65 113

1.5 PENGURUSAN MAJLIS

Pihak pengurusan tertinggi adalah terdiri dari seorang Yang Dipertua yang dilantik sebagai Ahli Majlis bersama 24 orang yang lain dan Setiausaha. Yang Dipertua ini adalah ahli mengikut jawatan Pegawai Daerah Kerian. Tindakan adalah berlandaskan kuasa yang diberikan di bawah:

- i. Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171)
- ii. Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133)
- iii. Akta Perancang Bandar 1976 (Akta 172)
- iv. Undang-Undang Kecil yang diperbuat di bawah akta-akta yang berkaitan.

Lembaga/Jawatankuasa-Jawatankuasa yang diwujudkan terdiri daripada:

- i. Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC)
- ii. Jawatankuasa kecil Pengurusan Harta
- iii. Jawatankuasa kecil Penilaian dan Mendengar Bantahan
- iv. Jawatankuasa Kecil Lalulintas
- v. Lembaga Perolehan dan Sebutharga
- vi. Lembaga Perlantikan dan Tatatertib

1.6 SUMBER KEWANGAN

Sumber Kewangan Majlis terdiri daripada:

- i. Geran Sumbangan Kerajaan Persekutuan
- ii. Waran Peruntukan dari Kerajaan Persekutuan dan Negeri
- iii. Hasil Majlis

2. POLISI PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN

Polisi pengurusan risiko kewangan Majlis bertujuan untuk memastikan sumber kewangan Majlis adalah mencukupi bagi tujuan operasi dan pembangunan yang telah dirancang. Majlis beroperasi berdasarkan garis panduan dan polisi-polisi yang dibenarkan dan tidak terlibat dalam sebarang aktiviti spekulasi.

2.1 RISIKO KECAIRAN DAN ALIRAN TUNAI

Risiko kecairan merupakan risiko bahawa entiti akan menghadapi kesukaran dalam dana bagi memenuhi obligasi semasa dan masa depan yang berkaitan dengan obligasi kewangan apabila telah sampai tempoh.

Risiko kecairan dan aliran tunai diuruskan melalui pengurusan modal kerja bagi memastikan aliran tunai sentiasa mencukupi. Pihak Majlis mempunyai bantuan kewangan yang mencukupi bagi memenuhi keperluan semasa.

2.2 RISIKO KREDIT

Risiko kredit adalah berkemungkinan bagi kerugian yang berpunca daripada kegagalan penghutang atau pihak berhubungan untuk memenuhi obligasi kontrak mereka.

Pengurusan risiko kredit dilaksanakan melalui penilaian kredit dalaman bagi risiko kredit yang matang.

3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN

3.1 ASAS PERAKAUNAN

3.1.1 Kos Sejarah

Penyata Kewangan ini disediakan berdasarkan konvensyen kos sejarah selain daripada dalam nota-nota kepada penyata kewangan dan mengikut piawaian perakaunan yang diluluskan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia.

3.1.2 Pengiktirafan Pendapatan

i. Hasil Kendalian Operasi

Pendapatan daripada kendalian/operasi Majlis diiktiraf menggunakan kaedah asas akruan seperti cukai taksiran, carum bantu kadar, Notis, sewaan kecuali sewa dewan, padang dan gelanggang dan peralatan. Faedah simpanan tetap berkonseptan konvensional akan diiktirafkan sebagai pendapatan dalam tahun semasa dengan menggunakan asas akruan. Pendapatan daripada kendalian/operasi selain daripada yang tersebut di atas diiktiraf berdasarkan asas tunai yang mana perlu.

ii. Terimaan Bukan Hasil

Pendapatan-pendapatan lain seperti bantuan dan sumbangan daripada Kerajaan Negeri dan Persekutuan atau lain-lain pendapatan yang berkelaziman atau dibawah kehendak mana-mana Akta dan arahan akan diiktiraf secara akruan.

iii. Keuntungan Simpanan Tetap

Penerimaan keuntungan untuk simpanan tetap sistem perbankan secara Islam diambilkira berdasarkan asas tunai.

3.1.3 Pengiktirafan Perbelanjaan

Perbelanjaan diiktiraf sebagai perbelanjaan di dalam tahun semasa dengan menggunakan asas akruan.

3.2 HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

Hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos setelah ditolak susutnilai terkumpul dan nilai aset terjejas, jika ada. Hartanah, loji dan peralatan disusutnilai menggunakan asas sama rata supaya kos harta-harta tersebut dilunaskan sepanjang tempoh usiaguna harta tersebut.

Harta yang berjumlah RM1000 dan ke atas akan dipermodalkan sebagai harta, loji dan peralatan. Bagi harta yang berjumlah kurang dari RM500 akan dicajkan sebagai perbelanjaan di penyata pendapatan.

Harta yang dibeli sebelum atau pada 30hb Jun akan disusutnilaikan setahun dan harta yang dibeli selepas 30hb Jun akan disusutnilai pada tahun hadapan.

Tanah milik bebas tidak disusutnilai.

Kadar-kadar tahunan yang digunakan adalah seperti berikut:-

